



INSANIAH
KOLEJ UNIVERSITI

جامعة عبدالانسانية



Risalah Insaniah
sempena
Konvokesyen Kesepuluh



RISALAH PERTAMA

**PETUNJUK SUNNAH
UNTUK SETIAP MUSLIM**

Oleh

Dato' Syeikh Muhammad Baderuddin bin Hj Ahmad
Dekan Kulliyyah Usuluddin
Kolej Universiti
INSANIAH



29 MAY 2016

RUJUKAN SAHAJA

PETUNJUK SUNNAH UNTUK SETIAP MUSLIM

Oleh:

DATO' MUHAMMAD BADERUDDIN BIN HJ AHMAD

Dekan Kulliyah Usuluddin

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد المرسلين وعلى آله وصحابه
أجمعين.

Saudara saudari kaum muslimin sekalian,

Dalam kesempatan ini, eloklah kalau kita sama-sama meneliti dan menghayati penjelasan kepada hadis nabi kita Muhammad S.A.W yang menjadi sumber hidayah dan inspirasi kepada umat Islam sepanjang zaman, untuk tatapan anda pada kali ini. Kita cuba memaparkan sebuah hadis Nabi S.A.W:

"عَلَيْكُمْ بِلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَالِاسْتِغْفَارِ، فَاسْتَكْثِرُوا مِنْهَا فَإِنَّ
إِبْلِيسَ قَالَ: أَهْلَكْتُ النَّاسَ بِالذُّنُوبِ وَأَهْلَكُونِي بِلَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَالِاسْتِغْفَارِ، فَلَمَّا رَأَيْتُ ذَلِكَ أَهْلَكْتُهُمْ
بِالْأَهْوَاءِ وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا."

(تجذیب أطراف الحديث)

Ertinya:

"Hendaklah kamu sekalian berzikir dengan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan beristighfar, kerana iblis berkata: "aku telah membinasakan anak Adam dengan dosa (dengan mengajak mereka melakukan dosa) dan

mereka telah membinasakan aku dengan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan istighfar, apabila aku melihat keadaan demikian, aku cuba pula membinasakan mereka dengan hawa nafsu (dengan menimbulkan di dalam diri mereka keinginan dan nafsu sehingga melakukan perkara-perkara yang dilarang) padahal mereka menyangka bahawa mereka mereka sedang melakukan perkara-perkara yang baik.”

Di dalam hadis yang mulia ini, Rasulullah menarik perhatian kita supaya kita sentiasa melakukan dua perkara di dalam kehidupan harian kita, yang pertama ialah berzikir dengan kalimah tauhid لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. Kalimah tauhid amat besar nilainya di sisi Allah S.W.T kerana ia mengandungi pengakuan tauhid kepada ke-Esa-an Allah S.W.T. Ia adalah asas kepada harga diri seseorang. Seseorang itu mempunyai nilai di sisi Allah sekiranya dia mentauhidkan Allah S.W.T manakala syirik pula merupakan satu dosa yang tidak akan diampun oleh Allah S.W.T.

Allah S.W.T telah berfirman:-

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ
وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا مَّبِينًا (48: سورة
النساء)

Ertinya:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa Yang lain dari itu bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa Yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa Yang besar.

Oleh kerana zikir tahlil ini amat besar nilainya di sisi Allah, maka ia dijadikan sebagai ucapan para nabi dan rasul termasuklah Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda:-

"أَفْضَلُ مَا أَقُولُ أَنَا وَالتَّيُّونَ مِنْ قَبْلِي لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ"

Ertinya:

*Sebaik-baik zikir yang aku sendiri mengucapkan
dan juga nabi-nabi sebelum aku ialah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*

الله.

Mereka yang selalu berzikir dengan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ bukan sahaja akan mendapat pahala yang besar, malah baginda Rasulullah S.A.W menyatakan bahawa dia (orang yang berzikir) juga akan mendapat keampunan dari Allah S.W.T dari dosa-dosa yang telah dilakukannya.

Rasulullah menegaskan bahawa iblis لعنة الله عليه telah membuat kenyataan bahawa dia telah berjaya mengajak dan menghasut anak Adam supaya melakukan dosa sama ada dosa kecil ataupun dosa besar, tetapi segala usaha-saha menghasut ini akan berakhir dengan kegagalan apabila manusia berzikir dengan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan beristighfar kerana kedua-dua perkara ini boleh menyebabkan segala dosa-dosa itu diampun oleh Allah S.W.T.

Di dalam hadis di atas, Rasulullah S.A.W menegaskan bahawa istighfar (meminta ampun) juga adalah salah satu daripada amalan yang harus diperbanyakkan oleh seseorang muslim, kerana kita sebagai manusia biasa tidak akan terselamat dari melakukan dosa sama ada yang besar mahupun yang kecil, bahkan Rasulullah S.A.W sendiri tidak pernah sunyi mulut baginda daripada beristighfar sekalipun Allah memelihara baginda dari melakukan perbuatan-perbuatan dosa.

Baginda telah bersabda, mafhumnya:-

“Wahai manusia, banyakkannya kamu bertaubat dan beristighfar kerana aku sendiri bertaubat tidak kurang dari 70 kali setiap hari.”

Apa yang dapat difahami dari mafhum hadis ini bahawa istighfar adalah satu bentuk ibadah yang boleh dilakukan. Oleh kerana itulah Rasulullah beristighfar, kerana ianya adalah ibadah.

Tersebut di dalam kitab *Tanwir al-Qulub* (تنوير القلوب) bahawa terdapat tiga martabat orang yang bertaubat:-

1. Orang yang bertaubat dari dosa kerana takutkan azab Allah S.W.T dan sebagainya. Mereka adalah *Ta-ib* (تائب)
2. Orang yang bertaubat dari dosa kerana malu kepada pandangan Allah kepadanya. Mereka adalah *Munib* (منيب)
3. Orang yang bertaubat dari dosa kerana mengagungkan kebesaran Allah. Mereka adalah *Awwab* (أواب)

Sayyidina Ibrahim Al-Adham telah berkata:

“Hati orang mukmin seperti cermin yang bersih, dia dapat melihat segala tindak-tanduk syaitan untuk merosakkannya, tetapi apabila hati ini dicemari dengan dosa-dosa, ia akan menjadi hitam dan akan bertambah lagi titik-titik hitam ini sekiranya tidak bertaubat dan beristighfar. Maka pada ketika itu ia akan dilanda risiko-risiko berikut:-

- a. *Segala teguran tidak akan memberi kesan kepadanya.*
- b. *Dia akan mengagungkan urusan keduniaan dan memandang ringan terhadap urusan-urusan akhirat.*
- c. *Buta serta tidak dapat melihat kebenaran dan kebaikan agama.*

- d. *Nasihat-nasihat mengenai agama dan perkara-perkara yang berkaitan dengan akhirat tidak akan bertapak di hati, malah ia akan masuk ke telinga kanan dan keluar melalui telinga kiri.*

Oleh hal yang demikian, kita hendaklah segera bertaubat dari dosa yang lalu, lebih-lebih lagi apabila kita sedang berada di bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan,. Sikap menanggung-nanggung daripada bertaubat yang dikenali dengan sikap *al-Taswif* (التسوية) akan mengundang banyak keburukan kepada diri sendiri sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali:

“Sesiapa yang tidak segera bertaubat’ dan menanggung-nanggungkan daripadanya, dia berada di dalam dua keadaan yang amat merbahaya:-

- a. *Akan bertambah kegelapan pada hatinya, justeru dosa-dosa yang dilakukan sehingga hati menjadi kotor dan berkarat, sehingga tidak mungkin dibersihkan lagi.*
- b. *Kemungkinan besar dia akan ditimpa kesakitan ataupun dikejutkan dengan kematian sehingga terlepaslah peluang baginya untuk bertaubat dan kembali kepada Allah.*

Di dalam melaksanakan tugas beristighfar, kita boleh memilih mana-mana bentuk istighfar yang kita kehendaki sama ada dengan Bahasa Arab atau lain-lain bahasa asalkan ianya mengandungi permohonan kepada Allah untuk mengampun segala dosa. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan, elok kita menggunakan bentuk istighfar yang digunakan oleh baginda Rasulullah S.A.W. Di antaranya;-

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ

الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ"

Ertinya:-

"Aku memohon keampunan dari Allah Yang Maha Agung, tiada Tuhan yang sebenar melainkan Dia, Dia lah Tuhan yang sentiasa hidup dan sentiasa mentadbir alam semesta ini, dan aku bertaubat kepada Nya."

Dicadangkan *sighah* (صيغة) istighfar ini kerana ianya mengandungi istighfar dan zikir *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*, ini bererti apabila kita membaca istighfar ini, kita sudah menunaikan dua tuntutan Rasulullah S.A.W di dalam hadis yang dinyatakan di awal tadi.

Namun demikian, kita seharusnya menyedari bahawa istighfar kita mungkin diterima sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan ataupun sebaliknya. Oleh hal yang demikian, kita amat dituntut supaya istighfar ini dilakukan dengan hati yang ikhlas, jujur dan disertai dengan perasaan takut dan bimbang (خَوْفًا وَطَمَعًا).

Para ulama tasawwuf menyatakan bahawa tanda-tanda taubat dan istighfar yang diterima oleh Allah S.W.T dapat dikesan dan dirasai pada lapan perkara:-

1. Dia amat menjaga lidahnya – tidak akan berkata-kata melainkan perkara yang baik.
2. Dia amat menjaga perutnya – tidak akan memasukkan kedalam perutnya melainkan yang halal sahaja.
3. Dia menjaga mata dan penglihatannya dari melihat kepada benda-benda yang haram.
4. Dia menjaga tangannya – tidak menerima dan tidak juga menyentuh benda-benda yang diharamkan, dan tidak juga menyogok dan memberi benda-benda yang haram seperti rasuah dan sebagainya.
5. Dia menjaga kakinya dari berjalan ke tempat-tempat yang haram.

6. Dia menjaga urusan hatinya – dikosongkan hatinya dari sifat-sifat yang keji seperti hasad dengki, benci dan perseteruan, sebaliknya hatinya itu dihiasi dengan sifat-sifat yang terpuji seperti kasih sayang, bertimbangrasa dan lain-lain lagi.
7. Telinganya dipelihara dari mendengar perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan Rasul.
8. Dia amat menjaga ibadahnya dan ketaatannya kepada Allah, supaya benar-benar ikhlas dan tidak dinodai dengan unsur-unsur *riya'* dan *nifaq*.

Ini lah lapan perkara yang menjadi tanda penerimaan Allah terhadap istighfar dan taubat seseorang.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda:-

"أَضْمِنُوا لِي سِتًّا أَضْمَنَ لَكُمْ الْجَنَّةَ، أَصْدُقُوا إِذَا حَدَّثْتُمْ، وَأَوْفُوا إِذَا وَعَدْتُمْ، وَأَدُّوا إِذَا أَثْمِنْتُمْ، وَاحْفَظُوا فُرُوجَكُمْ، وَغَضُّوا أَبْصَارَكُمْ، وَكَفُّوا أَيْدِيَكُمْ"

Ertinya:-

"Berilah jaminan kepada aku dengan enam perkara, aku pasti menjamin kepada kamu syurga;-

1. *Benar ketika kamu bercakap (bercakap benar)*
2. *Tepat apabila kamu berjanji (menepati janji)*
3. *Tunaikanlah apabila kamu diberi amanah (menunaikan amanah)*
4. *Jagalah kemaluanmu (jangan berzina)*
5. *Peliharalah pandanganmu (jangan melihat yang haram)*

6. *Kawallah tanganmu (jangan menerima, memberi serta bertindak zalim terhadap orang lain).*”

Demikianlah saranan dari petunjuk *Sunnah Nabawiyyah* (سنة نبوية) yang benar-benar menjamin kelangsungan budaya dan nilai-nilai yang baik di dalam kehidupan kita dan akhirnya memastikan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Saudara saudari para pembaca yang budiman;

Apa yang kita harapkan segala paparan dan penjelasan yang ringkas ini akan mendatangkan faedah kepada kita semua, dan memberi suntikan semangat untuk kita benar-benar menjadi hamba Allah yang hari ini lebih baik dari semalam, dan esok akan lebih baik dari hari ini.

Akhir kata, saya mengharapkan kemaafan dan teguran yang membina terhadap kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam tulisan ini.

Disediakan oleh;

Dato' Muhamad Baderudin Hj. Ahmad An-Nadwi, D.S.D.K., B.K.M.

Dekan Kulliyah Usuluddin

Kolej Universiti INSANIAH

Alor Star, Kedah.

10 Syaaban 1429 H

11 Ogos 2008 M

RISALAH KEDUA

**UNDANG-UNDANG SIASAH SYAR'IAH DAN
KAITANNYA DENGAN SEBUAH
NEGARA ISLAM**

Oleh

**Dr. Abdul Aziz bin Hanafi
Dekan Kulliyah Syariah
Kolej Universiti
INSANIAH**

UNDANG-UNDANG SIASAH SYAR'IAH DAN KAITANNYA DENGAN SEBUAH NEGARA ISLAM

Oleh:

DR. ABDUL AZIZ BIN HANAFI
Dekan Kulliyah Syariah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء
 والمرسلين، وإمام المتقين، وقائد الدعاة المجاهدين، وعلى آله
 الطيبين، وعلى أصحابه الغر المحجلين، وعلى من تبعهم بإحسان إلى
 يوم الدين. أما بعد.

Pendahuluan

Kemunculan sebuah kerajaan Islam sepatutnya bersedia untuk berhadapan dengan apa saja situasi dan keadaan dalam usaha untuk memastikan bahawa seluruh hukum Allah Taala dapat dinikmati keindahannya oleh setiap anggota masyarakat. Maka dalam keadaan-keadaan tertentu pimpinan Negara diberi kuasa untuk merangka peraturan-peraturan / undang-undang yang pada pendapat para ulamak yang muktabar, peraturan-peraturan itu diwujudkan dalam ketiadaan nas-nas syar'i daripada Al-Quran dan Sunnah Baginda Rasulullah S.A.W.

Ianya lebih bersifat hukum-hukum syara' berkecuali (Ahkam Syar'iah Istisnaiyah) yang digubal untuk berhadapan dengan sesuatu situasi yang muncul akibat perkembangan masyarakat yang sentiasa menerima perubahan-perubahan yang belum pernah berlaku di zaman-zaman sebelumnya. Kadang-kadang dalam keadaan wujudnya nas-nas syar'i cuma nas-nas tersebut dilihat sebagai peraturan-peraturan dan undang-undang

khas yang diturunkan untuk menyelesaikan kes-kes tertentu sahaja.

Di sini dapat disimpulkan bahawa undang-undang siasah syari'ah merupakan hukum-hukum yang digubal oleh sesebuah negara Islam dalam menghadapi kes-kes yang tiada terdapat sebarang nas mengenainya sama ada dalam bentuk suruhan ataupun larangan – Ithbat dan Nafi. Ataupun dalam keadaan adanya nas-nas cumanya pada pandangan para Muftahidin nas-nas tersebut sekadar peraturan-peraturan khas yang diturunkan oleh Allah untuk menyelesaikan kes-kes khas pada masa tertentu.

Maka peraturan-peraturan sebegini lebih dikenali sebagai undang-undang siasah syar'iah (أحكام السياسة الشرعية).

PERBEZAAN ANTARA SIAHAH SYAR'IAH DAN ISU-ISU FEKAH SEMASA (Qadaya Fiqhiyyah Muasirah)

Secara ringkas dapat dirumuskan bahawa perbezaan antara keduanya memang ketara sekali. Ini ialah kerana hukum-hukum siasah syar'iah merangkumi semua aspek kegiatan masyarakat termasuk aqidah dan moral sedangkan isu-isu fekah semasa hanya terbatas kepada hukum-hukum syara' yang bersifat amali.

SEPINTAS MENGENAI PENGERTIAN SIAHAH SYAR'IAH

Menurut Ibnu 'Uqail Rahimahullah, siasah syar'iah ialah *satu tindakan yang boleh mendorong orang ramai untuk lebih hampir kepada kebaikan dan terhindar daripada kebinasaan walaupun tindakan ataupun aturan itu tiada terdapat sebarang nas mengenainya.*

Katanya lagi, siasah syar'iah juga boleh dimaksudkan sebagai *suatu peraturan yang digubal yang bertepatan dengan kehendak syarak ertinya ianya tidak bertentangan dengan apa-apa yang dinyatakan oleh syara'.*

(الطرق الحكيمة فى سياسة الراعى والرعية) karangan Ibnul Qayyim, halaman 13.

SYARAT-SYARAT UTAMA DALAM MENGGUBAL UNDANG-UNDANG SIAHAH SYAR'IAH

Dalam usaha untuk menggubal undang-undang siasah syar'iah pada Fuqahak telah mengenal pasti bahawa di sana ada dua syarat utama.

1. Undang-undang tersebut hendaklah bertepatan dengan semangat perundangan Islam (روح الشريعة الإسلامى) bertunjangkan kaedah-kaedah syara' yang syumul dan menyeluruh serta prinsip-prinsip yang asasi yang tidak menerima sebarang perubahan sama ada di segi masa ataupun tempat, dan kedudukan masyarakat itu sendiri. Umpamanya kaedah; menutup semua pintu-pintu ke arah keburukan (سد الذرائع) dan kaedah رفع الحرج عن الأمة iaitu mengelak kesulitan daripada orang ramai. Peraturan ini juga hendaklah bertepatan dengan konsep syura dan keadilan serta konsep merujuk semua urusan orang ramai yang rumit kepada mereka-mereka yang berwibawa. (الرجوع بمعضلات الأمور إلى أهل الذكر والرأى)

2. Peraturan-peraturan atau undang-undang tersebut janganlah bersanggah (مناقضة حقيقية) dengan mana-mana dalil syara' yang dijadikan sebagai peraturan am (شريعة العامة) dalam masyarakat sejagat (الطرق الحكمية فى سياسة الراعى والرعية) halaman 13.

BEBERAPA CONTOH PELAKSANAAN HUKUM SIAHAH SYAR'IAH DI KURUN PERTAMA HIJRAH

1. Rasulullah S.A.W pernah mengenakan hukuman dengan menahan penjenayah-penjenayah atas sesuatu tuduhan dan menghukumnya dalam tuduhan yang lain setelah terbukti yang ia melakukan jenayah tersebut.

2. Rasulullah S.A.W pernah melarang seorang pejuang daripada mendapatkan harta rampasan perang (غنيمه) setelah didapati pejuang tersebut cuba untuk menyembunyikannya.

3. Rasulullah juga bernah berazam dan bercita-cita untuk membakar rumah orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang Jumaat dan jemaah.

4. Banyak lagi peristiwa-peristiwa yang lain yang dilakukan oleh baginda yang tergolong sebagai Siasah Syar'iah.

5. Di zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar As-Siddiq Radhiallahu anhu, beliau telah membuat keputusan untuk mengumpul dan menulis semula Al-Quran.

6. Di zaman Saidina Umar Radhiallahu anhu, beliau telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan pemberian zakat kepada ketua-ketua Quraisy Musyrikin yang pernah menerima bantuan-bantuan tersebut di zaman Rasulullah S.A.W, zaman Saidina Abu Bakar, dan di awal pemerintahan Saidina Umar Radhiallahu anhu. (الجامع لأحكام القرآن) Al-Qurtubi , juzuk 8, halaman 181.

7. Di zaman Saidina Umar R.A beliau telah menganjurkan penubuhan jabatan-jabatan (دواوين) bagi melicinkan lagi pengurusan pentadbiran negara. Di zaman beliau juga system cukai tanah diperkenalkan kepada masyarakat Arab (الخراج). Banyak lagi projek-projek dan program-program yang bersifat infrastruktur dilaksanakan dizaman pemerintahan Saidina Umar R.A.

8. Di zaman Saidina Othman bin Affan R.A di mana beliau telah mengarahkan agar semua binatang-binatang ternakan (unta dan kambing) yang telah hilang dipadang pasir, ditangkap dan dikurung untuk diserahkan kepada tuan empunya, ataupun dijual dan disimpan harganya, kemudian diserahkan kepada tuannya sedangkan di zaman Rasulullah S.A.W, Saidina Abu Bakar dan Sainina Umar R.A, unta-unta yang hilang dibiarkan hidup dipadang pasir sementara kambing-kambing pulak dikurung hinggalah dapat diserahkan kepada tuan empunya (فتح الباری- شرح صحيح البخاري) Ibnu Hajar Al-Asqalani, juzuk ke-5, halaman 443.

9. Di zaman Saidina Uthman Bin Affan R.A juga beliau telah berjaya meneroka satu lagi bidang baru dalam ketenteraan iaitu membina sebuah armada yang kuat yang sanggup mengharungi samudera dalam mempertahankan dan melebarkan dakwah Islam ke seluruh kawasan sekitar.

10. Begitulah juga seterusnya beberapa pencapaian besar dilaksanakan semasa pemerintahan kerajaan Umawiyah, Abbasiyah dan Othmaniah. Di antara yang terpenting ialah menjadikan Qurdoba, Baghdad, sebagai pusat penyebaran ilmu

yang melimpasi sepadan negara hinggakan para ilmuan barat datang untuk mendapatkan ilmu-ilmu yang disebarkan oleh sarjana-sarjana Islam dalam semua bidang ilmu termasuklah ilmu ketuhanan, filsafah, sains, dan kemanusiaan. Maka dengan keupayaan yang dimiliki oleh negara Islam pada masa itu telah banyak membawa perubahan dalam masyarakat tempatan dan luar negara di mana keseluruhannya tidak terkeluar daripada saripati hukum-hukum siasah syar'iah yang diwarisi sejak zaman Baginda S.A.W yang membabitkan semua urusan kearah mencapai kepentingan umum (مصلحة عامة) seperti pertahanan, kehakiman, dasar dalam dan luar negara, pengiriman duta-duta kenegara asing, menentukan kedudukan hubungan negara Islam semasa damai dan perang, termasuklah kawalan sempadan dan sebagainya. Kesemua ini berjalan secara dipimpin oleh kerajaan-kerajaan Islam yang berkuasa pada zaman tersebut dengan semangat yang jitu dalam melaksanakan dan mempertahankan hukum Allah Taala yang syumul (Akidah, moral, ibadah, undang-undang keluarga, hudud, qisas dan sebagainya).

Ini dapat difahamkan bahawa hukum-hukum dalam syariat Islam terbahagi kepada dua bahagian.

1. Hukum-hukum syara' yang menyeluruh (أحكام شرعية كلية).
2. Hukum-hukum syara' cabang (أحكام شرعية جزئية)

PENUBUHAN NEGARA ISLAM: SUATU PENANTIAN BAGI SELURUH UMMAT ISLAM SEDUNIA

Sementara menunggu kelahiran sebuah negara Islam induk bagi menaungi kelompok negara-negara Islam lain, maka suatu kewajiban ke atas negara umat Islam hari ini memikirkan secara serius dan bertanggung jawab bagaimana hukum-hukum dan undang-undang yang bersifat Siasah Syar'iah itu dapat diwujudkan dan dilaksanakan semaksima yang mungkin.

Kita sungguh berkeyakinan bahawa usaha dan kemampuan yang dimiliki oleh negara-negara umat Islam hari ini masih berupaya menggerakkan program-program ini secara tersusun dapat diteruskan.

Pertubuhan-pertubuhan Islam di peringkat negara dan antarabangsa telah berjaya diwujudkan. Beberapa kejayaan besar telah dapat dicapai atas semangat setiakawan meliputi bidang-bidang ekonomi, ketenteraan, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Petunjuk-petunjuk daripada Al-quran dan Sunnah Baginda Rasulullah S.A.W sudah cukup bagi kita untuk mencapai matlamat tersebut. Antaranya ialah:

1. Firman Allah Taala :

الذين إن مكناهم في الأرض أقاموا الصلاة و آتو الزكاة و أمروا بالمعروف
و نهوا عن المنكر و لله عاقبة الأمور

Surah Al-Hajj ayat 41

Ertinya: Mereka-mereka ini (orang-orang beriman) sekiranya kami menganugerahkan kuasa kepada mereka dimuka bumi, mereka akan terus mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menyeru kepada kebaikan dan melarang kemungkaran, dan bagi Allah yang mampu dan berkuasa untuk menganugerahkan pahala.

2. Sabda baginda Rasulullah S.A.W:

" تركت فيكم أمرين ما إن تكسبتم بهما لن تضلوا أبدا، كتاب الله وسنتي "

Ertinya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, sekiranya kamu berpegang dengan kedua-duanya kamu tidak akan berada dalam kesesatan, iaitulah Al-Quran dan Sunnah ku.

3. Dalam kaedah fekah, para fuqahak menyatakan;

" تولية الإمام منوطة برعاية المصالح "

Ertinya: Perlantikan seorang pemimpin adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan orang ramai.

4. Dalam suatu kaedah lain mereka menyatakan;

” تغير الأحكام بتغير الأزمنة والأمكنة ”
(الأشباه والنظائر للإمام السيوطي)

Ertinya: Berubahnya hukum-hakam dengan berubahnya masa dan tempat.

5. Para fuqahak juga menganggap ;

” ما لا يدرك كله لا يترك جله ”
(الأشباه والنظائر للإمام السيوطي)

Ertinya: Sesuatu yang tidak dapat dikuasai sepenuhnya janganlah ditinggalkan kesemuanya. (Laksanakanlah apa-apa yang termampu).

Semoga ulasan yang serba ringkas ini dapat memenuhi ruang minda dan jiwa para pembaca yang budiman bersempena dengan Majlis Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH ke-10 ini.

والله أعلم بالصواب
وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم
والحمد لله رب العالمين

Disediakan oleh:
Dr. Abdul Aziz Hj. Hanafi
Dekan Kulliyyah Syariah,
Kolej Universiti Insaniah.
10 Syaaban 1429H
11 Ogos 2008

RISALAH KETIGA

**IBADAH PUASA :
SEJARAH DAN PENSYARIATANNYA**

Oleh

Ustaz Akli bin Ahmad
Pengarah Pusat Perkhidmatan Komuniti
Kolej Universiti
INSANIAH

IBADAH PUASA: SEJARAH DAN PENSYARIATANNYA

Oleh:

Ustaz Akli bin Ahmad
Pengarah Pusat Perkhidmatan Komuniti

Mukaddimah

الحمد لله رب العالمين , وبه نستعين على أمور الدنيا والدين , صلاة
وسلاما دائمين متتابعين على حبيبنا المصطفى محمد — صلى الله عليه وسلم —
الفتاح لما أغلق الخاتم لما سبق, ناصر الحق بالحق الهادي إلى صراطك المستقيم ,
وعلى آله وصحبه أجمعين , أما بعد

Apabila kita menyebut tentang puasa masing-masing akan bertanya bilakah puasa akan bermula? siapakah yang akan membicarakan hukum-hukum puasa? di mana kita akan bersolat Tarawih? Apakah juadah moreh yang disediakan masjid? dan akhirnya, di manakah akan disambut hari raya? Begitulah sedikit gambaran tentang persepsi umum yang sering dibayangkan oleh kebanyakan kita di sebalik sebutan kalimah puasa.

Namun risalah kecil ini secara khususnya akan membincangkan sejarah pensyariatan puasa di dalam agama Islam dan juga syariat sebelum, begitu juga ia akan berbicara secara ringkas puasa di dalam agama lain. Ini adalah satu perkara

yang perlu diketahui oleh semua manusia khususnya orang-orang Islam kerana ada `di antara mereka yang mendakwa Islam menyusahkan mereka dengan merujuk kepada amalan puasa, Islam menyekat hak kebebasan kemanusiaan, puasa adalah ibadat lapuk dan seumpamanya lagi.

Insyallah risalah ini bukan sahaja membicarakan pensyariaan puasa dalam Islam, bahkan ia juga akan membincangkan puasa dalam syariat agama Samawi selain Islam bagi menggambarkan bahawa puasa adalah suatu amalan Ta'abbudi serta menepati keperluan badan khususnya dalam menjaga kesihatan diri ataupun hari ini disebut dengan istilah sains al-Quran.

Rujukan utama penyusun untuk menyiapkan risalah ini ialah kitab yang ditulis Dr. Ali al-Khatib yang berjudul al-Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, tafsir al-Qurtubi, di samping rujukan-rujukan lain termasuk kitab-kitab hadis, fekah, sirah, dan juga laman-laman web yang membincangkan tentang tajuk ini.

Moga dengan apa yang disampaikan ini, akan menambahkan lagi kefahaman kita tentang puasa yang sekian lama menjadi rutin ibadah kita.

Asal Usul Perkataan puasa:

Perkataan puasa adalah berasal dari perkataan sanskrit lama iaitu "Upawasa" yang bermaksud menahan diri daripada

sesuatu. Perkataan ini masih digunapakai dengan meluas di Indonesia.

Hakikat puasa

Puasa pada bahasa:

Pada bahasa ia bermaksud menahan diri daripada sesuatu, berkekalan di dalam satu sifat (tidak berubah), Angin tidak bertiup, Berdiri betul (tegak tidak condong), berdiam diri (tidak bertutur) ⁽¹⁾ sebagaimana firman Allah dalam surah Maryam, ayat (26)

﴿ فَإِمَّا تَرِينِ مِنَ الْبَشَرِ أَحَدًا فَقُولِي إِنَّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ فَلَئِنْ أَكَلَمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا صَوْمًا ﴾

Puasa pada istilah:

Manakala puasa mengikut istilah ialah menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa seperti makan dan minum dan bersetubuh bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari ⁽²⁾.

Menelusuri sejarah puasa

1. Puasa dan syariat Islam

¹ - Rujuk: Majd al-Din Muhammad Bin Ya'kub al-Fairuz Óbadiy, al-Kamus al-MuhÔt, halaman 1020, cetakan Dar al-Fikr, 2005.

² - Rujuk: : Abu al-Mu'thi Muhammad Bin Ali NawawÊ al-JÉwÊ, NihÉyat al-Zain, halaman 168, cetakan Dar al-Fikr, Beirut, tahun 1995 , Muhammad Bin Ahmad al-Syathiri, kitab Syarah Yaqut al-Nafis, halaman 1/445, cetakan Dar al-Hawiy, tahun 1997.

Sesuatu yang ingin dinyatakan di sini ialah manusia tidak dituntut dengan sebarang amalan samaada berupa suruhan atau larangan termasuk ibadat berpuasa selagi mana mereka tidak diperintahkan oleh Allah s.w.t melalui nas-nas syarak. Ini adalah kerana manusia dilahirkan di atas muka bumi ini tanpa sebarang tanggungjawab. Ini sebagaimana kaedah usul fekah menyebut:

الأصل براءة الذمة

Maksudnya: Asal kejadian manusia adalah terlepas dari sebarang hukum taklifiy. Kemudian difardhukan mereka berpuasa melalui dalil-dalil yang diwahyukan. Atas sebab itulah mereka diistilahkan sebagai mukallaf (orang yang dibebankan) iaitu orang yang dibebankan dengan tuntutan hukum syarak setelah mereka tidak dituntut melakukan sebarang amalan sebelum itu.

Puasa wajib sebelum Ramadhan

Secara pastinya nabi Muhammad s.a.w dan sahabat-sahabat baginda r.a telah berpuasa sebelum difardhukan pada bulan Ramadhan setelah diturunkan ayat puasa. Sesungguhnya para fuqaha' dan ahli tafsir tidak berselisih pandangan tentang berlakunya puasa ini sekalipun mereka tidak sependapat tentang hukum puasa tersebut (3).

³ - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al- Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, halaman 145, cetakan Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah.

Begitu juga mereka sependapat bahawa puasa yang dilakukan sebelum Ramadhan itu ialah puasa 'Asyura dan puasa tiga hari setiap bulan.

Hukum puasa 'Asyura sebelum kewajipan Ramadhan

Para ulamak berselisih tentang hukum puasa ini kepada dua pandangan seperti berikut:

Pandangan pertama mengatakan bahawa hukumnya adalah wajib. Ini pendapat al-Imam Ibnu Hajar al-Haitamiy, Ibnu al-Qayyim al-Jauziy, mazhab Hanafi, dan juga merupakan pandangan kebanyakan ulamak.

Dalil-dalil

Pertama: Hadis riwayat al-Imam Ahmad dalam Musnadnya yang berbunyi:

ما رواه ابن عمر — رضى الله عنه — أنه قال: "صَامَ النَّبِيُّ — صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ — عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، فَلَمَّا فُرِضَ رَمَضَانُ تَرَكَ"

Maksudnya: Rasulullah s.a.w telah berpuasa 'Asyura serta baginda menyuruh umatnya menunaikannya, kemudian apabila difardhukan Ramadhan baginda meninggalkannya (tidak wajib).

Di dalam hadith di atas terdapat perkataan yang bermaksud suruhan (perintah) yang mana matlamat suruhan

adalah menunjukkan bahawa ianya adalah wajib sebagaimana menurut kaedah Usul Fekah iaitu:

الْأَمْرُ لِلْوَجُوبِ مَا لَمْ يَكُنْ هُنَاكَ دَلِيلٌ يَصْرِفُهُ عَنِ الْوَجُوبِ إِلَى غَيْرِهِ

Maksudnya: Setiap perintah yang terdapat di dalam nas adalah menunjukkan kewajipan perkara yang diperintahkan itu sehingga muncul nas lain mengalih kewajipan tersebut kepada hokum lainnya.

Kedua: Hadis riwayat al-Imam al-Tarmizi.

عن عائشة — رضى الله عنها — قالت: "كَانَ عَاشُورَاءُ يَوْمًا تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ — صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ — يَصُومُهُ فَلَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ صَامَهُ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ فَلَمَّا اقْتَرَضَ رَمَضَانَ كَانَ رَمَضَانُ هُوَ الْفَرِيضَةَ وَتَرَكَ عَاشُورَاءَ فَمَنْ شَاءَ صَامَهُ وَمَنْ شَاءَ تَرَكَهُ."

Maksudnya: 'Aisyah r.a telah meriwayatkan bahawa hari 'Asyura adalah hari puasa yang dilakukan oleh orang Quraisy semasa zaman Jahiliyah. Rasulullah s.a.w juga berpuasa serta menyuruh umatnya berpuasa 'Asyura, Kemudian apabila difardhukan puasa Ramadhan mereka meninggal puasa 'Asyura (tidak wajib), justeru diberi pilihan (kewajipan puasa 'Asyura) samaada dia ingin berpuasa atau tidak.

Pandangan kedua mengatakan ianya tidak wajib. Ini adalah pendapat Mu'âwiyah bin Abi Sufian (4).

Puasa tiga hari setiap bulan

Menurut pandangan al-Imam al-Ajhuri kewajipan berpuasa tiga hari sebulan berlansung dalam tempoh yang terlalu singkat sebelum difardhukan puasa Ramadhan iaitu hanya selama enam bulan sahaja bermula dari bulan Muharram sehingga akhir bulan Rejab pada tahun kedua hijrah. Dengan ini puasa tersebut dilakukan sebanyak 18 kali sahaja.(5)

Puasa Ramadhan

Ramadhan adalah bulan kesembilan mengikut perkiraan tahun Hijrah. Puasa Ramadhan telah difardhukan pada tahun kedua selepas hijrah nabi s.a.w dari kota Mekah ke kota Madinah al-Munawwarah. Era Madinah lebih dikenali dengan era pensyariatkan hukum-hukum syarak selepas ianya melalui zaman pemantapan aqidah selama 13 tahun di Mekah. Boleh dikatakan kesemua perkara furu' (fekah) disyariatkan di sana kecuali solat fardhu lima waktu. Ianya telah diwajibkan Allah s.w.t semasa Nabi s.a.w dalam pengembaraan mukjizat baginda yang dikenali sebagai kembara Israk dan Mikraj yang berlaku pada 27 Rabi'ul

⁴ - Rujuk: Dr. Ali al-KhatÊb, al- Siam Min al-BidÉyah Hatta al-Islam, halaman 145, cetakan Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyah

⁵ - Rujuk: al-Syeikh Ali al-Ajhuri, kitab Mukaddimah Fi Fadhail Ramadhan, halaman 12.

Awal atau 27 Rejab sebagaimana yang dicatat dalam sejarah Islam iaitu dua tahun sebelum hijrah. (6)

Menurut kaedah ilmu Usul Fekah syariat Islam dibina di atas tiga konsep asas iaitu: pertama memberikan kemudahan, kedua: menafikan kemudaratan, ketiga: beransur-ansur dalam pensyari'atan hukum (7)

Puasa Ramadhan sebelum dilaksanakan sebagaimana sekarang, ia telah melalui konsep pensyariatan Islam yang ketiga iaitu difardhukan secara beransur-ansur.

Merujuk kepada sejarah pensyariatan puasa Ramadhan, ianya telah melalui dua fasa yang berbeza seperti berikut:

Fasa pertama: memberi pilihan sama ada berpuasa atau berbuka dengan membayar gantinya iaitu fidyah.

Dalilnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat (183-184) yang berbunyi:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴾ ﴿ أَيَّاماً مَّعْدُودَاتٍ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضاً أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾

⁶ - Rujuk: al-Son'aniy, kitab Subul al-Salam, halaman 2/150, cetakan Dar al-Fikr, Beirut.

⁷ - Rujuk: Profesor Dr. Abd. Fattah al-Syeikh al-Husaini, Kitab Tarikh al-Tasyri' al-Islamiy, cetakan al-Maktabah al-Azhariyah.

Pilihan pertama: berpuasa.

Sebenarnya `puasa Ramadhan pada fasa ini adalah menepati keadaan dengan mengambil kira dua golongan orang Islam ketika itu. Iaitu pertama golongan yang memang sudah mantap iman serta tidak menjadi masalah jika dituntut melakukan amalan puasa dan sebagainya, kedua ialah golongan yang baru memahami Islam dan masih di peringkat pementapan akidah, mereka perlu kepada suatu konsep yang tidak menjauhkan mereka dengan Islam.

Pada fasa ini puasa Ramadhan dituntut selama 23 hari sahaja sebulan, bermula selepas solat 'Isyak atau selepas bangun dari tidur pada malam itu dan berlanjutan sehingga terbenam matahari pada keesokan harinya.

Pilihan kedua: membayar Fidyah

Sesiapa yang tidak mahu berpuasa harus baginya menggantikan puasa tersebut dengan membayar fidyah iaitu dengan kadar satu cupak untuk satu hari. Ini jelas sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam ayat al-Quran di atas. ⁽⁸⁾

Fasa kedua: mewajibkan puasa secara mutlak

Dalilnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat (185)

⁸ - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al- Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, halaman 151-152, cetakan Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah

﴿ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُم وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴾

Dalam fasa kedua ini pun sebenarnya puasa telah melalui dua peringkat yang berbeza dan berturut-turut:

Pertama: Keadaan sukar

Pada waktu ini, perjalanan puasa masih lagi dengan kaifiyat di atas iaitu bermula pada waktu malam dan tamat pada maghrib keesokan harinya.

Maksud sukar di sini ialah berlaku kesukaran bagi orang Islam berpuasa ketika apabila mereka ingin bersetubuh dengan isteri khususnya apabila mereka (suami atau isteri) sudah tidur pada waktu malam dan ini menyukarkan puasa mereka, atau masa berpuasa agak terlalu panjang berbanding dengan puasa hari ini serta tidak sekata berdasarkan setiap individu. Akhirnya ada di kalangan sahabat mengadu kepada Rasulullah s.a.w hinggalah diturunkan surah al-Baqarah, ayat (187)

﴿ أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَائِكُمْ هُنَّ لَبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لَبَاسٌ لَّهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَابْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ

أَتَمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا

تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٩﴾

Secara lakarannya boleh kita simpulkan bahawa puasa pada fasa ini adalah seperti berikut:

- a. Seseorang itu dihukum berpuasa apabila selesai solat 'Isyak malam tersebut dan dia dikehendaki berpuasa sehingga keesokan harinya.
- b. Apabila masuk waktu maghrib seseorang itu dihukum tidak berpuasa selagi dia tidak tidur selepas berbuka atau belum menunaikan solat 'Isyak.
- c. Sekiranya seseorang itu tidur selepas waktu berbuka atau selepas menunaikan solat 'Isyak dia telah dikira berpuasa.
- d. Kadang-kadang masa berpuasa seseorang itu melebihi 23 jam sehari semalam. ⁽⁹⁾

Kedua: Keadaan mudah dan lebih ringan.

Dalam keadaan ini, puasa yang difardhukan adalah sebagaimana yang sedang diamalkan sekarang ini. Orang yang berpuasa tidak lagi dilarang bersetubuh dengan isteri di waktu malam samaada dia atau isteri telah tidur atau tidak sebelumnya. Begitu juga waktu berpuasa dalam hal kedua ini adalah lebih

⁹ - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al- Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, halaman 154-155, cetakan Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah

pendek dan sekata iaitu bermula dari waktu Subuh sehingga waktu Maghrib sahaja: (10)

Penetapan tempoh puasa, serta jumlah harinya telah disabitkan dalam surah al-Baqarah, ayat (185) :

﴿ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴾

Bermula dari tarikh ini, pelaksanaan puasa telah sampai kepada kemuncaknya apabila ketika ini telah ditetapkan jumlah hari berpuasa iaitu hari-hari dalam bulan Ramadhan samaada 29 atau 30. Begitu juga kiraan mula puasa dan tamat tempohnya adalah dengan melihat anak bulan sebagaimana sabda nabi s.a.w dalam hadis riwayat al-Imam Ahmad r.a:

عن أبي هريرة عن النبي — صلى الله عليه وسلم — قال " صُومُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ "

Puasa dan syariat sebelum Islam

Di sini, penyusun ingin menyebut secara ringkas tentang ibadat puasa yang diamalkan oleh umat terdahulu seperti berikut.

¹⁰ - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al- Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, halaman 154-155, cetakan Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah

Puasa nabi Daud a.s

Kita pernah mendengar dari sebuah hadis nabi s.a.w bahawa nabi Daud a.s berpuasa berselang hari yakni berpuasa sehari, kemudian tidak berpuasa pada keesokan harinya dan begitulah seterusnya.

Dalilnya : hadith riwayat Bukhari dalam kitab Sahih.

عن عبد الله بن عمرو بن العاص — رضي الله عنهما — أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ — صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ — قَالَ لَهُ: " أَحَبُّ الصَّلَاةِ إِلَى اللَّهِ صَلَاةُ دَاوُدَ — عَلَيْهِ السَّلَامُ —
وَأَحَبُّ الصِّيَامِ إِلَى اللَّهِ صِيَامُ دَاوُدَ، وَكَانَ يَتَامُ نِصْفَ اللَّيْلِ وَيَقُومُ ثُلُثَهُ وَيَتَامُ سُدُسَهُ
وَيَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا "

Puasa Penganut Yahudi

Dr. Ali ah-Khatib menyatakan bahawa nabi Musa a.s pernah berpuasa selama 40 hari semasa berkhalwat di atas bukit Thur Sainak setelah menerima beberapa suhuf Taurat. Namun bangsa Yahudi menyatakan bahawa puasa itu hanya khusus untuk nabi Musa sahaja tidak kepada mereka.⁽¹¹⁾

al-Syeikh 'Atiyah al-Sokhr di dalam fatwanya ada menyatakan bahawa tidak pernah dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis-hadis nabi s.a.w tentang bagaimana umat-umat

¹¹ - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al- Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam, halaman 93-97, cetakan Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah

terdahulu menunaikan ibadat puasa adakah kaifatnya sama dengan puasa Islam atau berlainan adakah perlu berniat pada malam,

Kita mendengar bangsa Yahudi berpuasa pada hari 'Asyura sebagai tanda syukur kepada Allah kerana nabi Musa a.s terselamat dari tenggelam dalam laut semasa melarikan diri dari raja Mesir sebagaimana yang tercatat dalam hadis sahih.

Menurut al-Syeikh 'Atiyyah al-Sokhr lagi, orang Yahudi (awam) zaman ini berpuasa selama 6 hari setahun, manakala orang soleh di kalangan mereka berpuasa selama satu bulan, dan mereka juga berpuasa pada 9 Ogos sebagai mengingati peristiwa kemusnahan tempat ibadat mereka iaitu rumah ibadat Jerusalem di al-Quds, Palestin.

Puasa Penganut Kristian

Manakala orang-orang Kristian berpuasa selama 40 hari setahun. Juga terdapat dalam ajaran mereka puasa empat musim dengan kaifatnya ialah berpuasa sebanyak tiga hari bagi setiap musim tersebut. Ditambah lagi bagi penganut kristian berpuasa sunat pada hari Rabu dan Jumaat.

Pada asalnya ajaran Kristian melarang penganutnya makan sewaktu puasa dan hanya dibenarkan berbuka selepas 24 jam berpuasa. Kemudian mereka meringankan larangan tersebut

kepada hanya tidak dibenarkan memakan haiwan yang bernyawa ataupun yang diproses daripadanya. ⁽¹²⁾

Penutup

Semoga segala catatan dalam risalah ini diterima oleh Allah s.w.t serta menjadi saham untuk penyusun dan sesiapa yang membacanya di akhirat kelak.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Sumber rujukan:

- 1- Al-Quran al-Karim
- 2- Tafsir al-Quran al-'Azim
- 3- Tafsir al-Qurtubiy
- 4- Sahih al-Bukhariy
- 5- Sahih Muslim
- 6- Musnad al-Imam Ahmad
- 7- Subul al-Salam karanga al-Son'aniy
- 8- al-Siam Min al-Bidayah Hatta al-Islam karanga Dr. Ali al-Khatib,
- 9- Al-Yaqut al-Nafis karangan al-Syatiriy
- 10- Nihayat al-Zain karangan Nawawi al-Jawi
- 11- Al-Kamus al-Muhit karangan al-Fairuz Abadiy

¹² - Rujuk: Dr. Ali al-Khatib, al-Siém Min al-BidÉyah Hatta al-Islam, halaman 118-130, cetakan Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah

